



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Kosmo

- | | |
|----------------------|----|
| - Isu & Hak Pengguna | 20 |
|----------------------|----|

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Diserbu lepas 3 kali tidak beri kerjasama | 44 |
|---|----|

Sinar Harian

- | | |
|-----------------------------------|----|
| - Dua minggu kenal dah kena cekup | 39 |
|-----------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - MPAJ perhebat usaha banteras populasi tikus | 31 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2017 (RABU)**

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Isu& Hak Pengguna
Muka Surat	20





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MPAJ perhebat usaha banteras populasi tikus
Muka Surat	31

UM 15/2/2017 MIS 31
MPAJ perhebat usaha banteras populasi tikus

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Usaha mengawal populasi tikus terus diperhebatkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) khususnya melibatkan beberapa kawasan tumpuan di bawah pentadbirannya.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, tumpuan diberikan di pusat komersial, medan selera dan pusat penjaja.

Menurutnya, racun jenis Racumin digunakan dalam me-

nangkan masalah yang menjadi isu perbandaran itu.

"Racun akan diletakkan di semua lokasi berpotensi pembikan serta laluan tikus khususnya tempat pembuangan sampah, longkang, lubang dan bahagian belakang premis," katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Norhayati berkata, selepas taburan racun dibuat, semakan kali kedua dalam tempoh tujuh hingga 10 hari akan dilakukan bagi mengira jumlah tikus yang

mati.

"Sepanjang tahun lalu kira-kira 85 aduan berkaitan tikus di terima.

"Dalam operasi dilaksanakan sebanyak 463 ekor tikus mati berjaya dibersihkan.

"Antara kawasan operasi yang terlibat adalah di Pusat Komersial Melawati E, Medan Selera Pandan Jaya, Medan Selera Anjung Melawati, Medan Selera Bazar Melawati dan Gerai UPEN Melawati J," jelasnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2017 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dua minggu kenal dah kena cekup
Muka Surat	39

Dua minggu kenal dah kena cekup

Pasangan remaja itu antara 22 individu yang ditahan dalam Op Cegah Maksiat sempena Hari Kekasih

SA 15/2/2017 m/s 39

AMPANG - Seorang remaja lelaki yang baru mengenali teman wanitanya melalui aplikasi WeChat sejak dua minggu lalu ditahan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Pegawai Masjid Al-Azim Pandan Indah dalam Op Cegah Maksiat di sekitar Ampang Jaya sempena Hari Kekasih, awal pagi semalam.

Pegawai Masjid Al-Azim, Ahmad Nawi Othman berkata, pasangan itu ditahan di sebuah taman rekreasi di sini, kira-kira jam 1 pagi.

"Bila kita ronda kawasan rekreasi ni kita perasan ada seorang remaja lelaki yang berusia 18 tahun cepat-cepat beralih tempat dan duduk di motosikalnya setelah menyedari kehadiran penguar kuasa, dan pasangannya pula yang berusia 20 tahun duduk diam-diam saja di taman itu.

"Remaja lelaki itu ber alasan, dia seorang saja di taman itu, tapi

lepas kena siasat dia mengaku datang bersama pasangannya itu.

"Pasangannya pula dakwa dia dah kahwin dan ada anak berusia dua tahun, lepas tu katanya dia digantung tak bertali," katanya.

Pasangan remaja tersebut antara 22 individu yang ditahan dalam operasi berkenaan.

Ahmad Nawi berkata, pihaknya menjalankan operasi itu bagi membendung perbuatan tidak bermoral.

"Sebahagian daripada mereka ditahan di Bukit Ampang dan berusia dalam lingkungan 20-an hingga 30-an.

"Segelintir daripada mereka pula menyatakan pelbagai alasan bagi mengelak ditahan penguar kuasa.

"Kesemua mereka dibawa ke Masjid Al Azim, Pandan Indah untuk sesi dokumentasi dan pererangan lanjut," katanya.

Beliau berkata, operasi itu tu-



Ahmad Nawi (dua, kiri) ketika menyampaikan pasangan yang ditahan dalam Op Cegah Maksiat, awal pagi semalam.

rut mendapat kerjasama Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela).

"Kesemua yang ditahan diberi surat perintah hadir kaunseling wajib yang akan diadakan pada

26 Mac ini di masjid tersebut.

"Tindakan tegas akan diambil jika mereka ingkar dan tidak menghadiri sesi kaunseling itu, kami tak teragak-agak serahkan mereka ke-

pada Jais untuk dikenakan tindakan lanjut," katanya.

Operasi itu dijalankan mengikut Seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
15 FEBRUARI 2017 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Diserbu lepas 3 kali tidak beri kerjasama
Muka Surat	44

Diserbu lepas 3 kali tidak beri kerjasama

HM 15/2/2017 m/s 44

Ampang: Selepas tiga kali gagal memberi kerjasama kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), akhirnya pejabat Badan Pengurusan Bersama Astaria dan Ayers Tower (JMB) di Taman Kosas di sini, diserbu penguat kuasa, semalam.

Serbuan Op Akta 757 jam 10 pagi itu disertai Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) dan COB MPAJ bagi menyiasat aduan daripada pemilik berkaitan beberapa isu.

Ketika pemeriksaan dilakukan, penguat kuasa terpaksa mengambil masa kira-kira 15 minit untuk menerangkan kepada pengurus JMB mengenai tujuan kehadiran penguat kuasa dan tindakan yang akan diambil.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, COB MPAJ menerima aduan daripada 20 pen-

duduk berhubung permasalahan pengurusan JMB dengan mendakwa berlaku penyelewengan wang sebanyak RM70,000 dengan akaun tidak beraudit sejak 2013.

Menurutnya, penduduk yang menandatangani bantahan itu turut mendakwa harta bersama seperti lif tidak diselenggara dengan baik, selain mesyuarat agung tahunan yang belum diadakan.

Sehubungan itu, katanya, COB mengeluarkan dua surat pada 30 November dan 25 Januari lalu dengan mengarahkan JMB mengemukakan penjelasan berhubung aduan yang diterima.

“Sehingga kini tiada maklum balas mengenainya. Susulan itu, COB meneruskan siasatan dan membuat tiga kali lawatan bagi mendapatkan dokumen berkaitan untuk siasatan,” katanya.